SISTEM BAHASA 1 PT3

Disediakan oleh Cikgu Rozita

BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling tepat.

1. Encik Alif yang baru berpindah sedang _____ barang-barang dari lori.
   a. memuat
   b. mengubah
   c. memungut
   d. memunggah

2. Banglo Encik Amirul yang cantik dan besar itu membuatkan penduduk di situ ingin _____ kawasan rumahnya.
   a. mewarisi
   b. mendiami
   c. mendekati
   d.memasuki

3. Layang-layang yang ____ tali itu telah jatuh ke tengah bendang.
   a. terbuang
   b. terputus
   c. tercabut
   d. tertanggal

4. Puan Balqis terpaksa ____ kereta mewahnya kepada pihak bank untuk membiayai perniagaannya.
   a. menawarkan
   b. menyewakan
   c. mencagarkan
   d. memberikan

5. Aimi terpaksa menggunakan pisau yang tajam untuk memotong daging yang ____ itu.
   a. kenyal
   b. mampat
   c. gebu
   d. keras

6. Pemain bola sepak yang ____ itu berasal dari Pulau Pinang.
   a. lincah
   b. cergas
   c. licik
   d. tangkas

7. Pokok bunga itu kelihatan ___ kerana tidak dibubuh baja.
   a. pendek
   b. rendah
   c. renek
   d. layu

8. Datuk Anas tidak dapat mengecam wajah penceroboh rumahnya kerana pada malam itu ____
   a. kucar-kacir
   b. sunyi-sepi
   c. kelam-kabut
   d. gelap-gelita

9. Pasangan dari timur tengah itu memakai pakaian ala _____
   a. kecinaan
   b. kearaban
   c. kebaratan
   d. kemelayuan

10. Jadual peperiksaaan telah ditampal ____ papan notis kelas.
    a. di
    b. atas
    c. pada
    d. dekat

11. ____ kepentingan penduduk di sini, marilah kita menyelesaikan masalah ini dengan cara bermuafakat.
    a. Bagi
    b. Demi
    c. Untuk
    d. Tentang

12. Dania membeli dua ____ jagung bakar di pasar malam.
    a. biji
    b. ketul
    c. cawan
    d. tongkol

LIVEWORKSHEETS

13. Luqman menerima se____ ijazah sempena hari konvokesyen pada minggu lalu.
    a. helai
    b. keping
    c. gelung
    d. segulung

14. ____ Irdina belajar berhasil apabila mendapat keputusan cemerlang dlam peperiksaan.
    a. Suka duka
    b. Jerih perih
    c. pahit getir
    d. Susah senang

15. Polis akan melakukan ____ terhadap Neelofa dan suaminya yang dikatakan merentas negeri ke Nilai untuk membeli permaidani.
    a. soal jawab
    b. soal siasat
    c. soal selidik
    d. maklum balas

16. Calon itu ____ masuk ke dewan kerana peperiksaan PT3 telah dimulakan.
    a. terkial-kial
    b. terketar-ketar
    c. terkocoh-kocoh
    d. termengah-mengah

17. Kedengaran ____ suara orang meminta tolong ketika Qaish melalui lorong itu.
    a. jauh-jauh
    b. jelas-jelas
    c. sayup-sayup
    d. samar-samar

18. Ayah Faris ____ adiknya yang baru berusia empat bulan itu supaya ketawa.
    a. mengacah-acah
    b. mengagah-agah
    c. mengusap-usap
    d. menepuk-nepuk

19. Masih ___ di ingatannya peristiwa pahit yang berlaku sedekad yang lalu.
    a. termimpi-mimpi
    b. terdengar-dengar
    c. terngiang-ngiang
    d. terbayang-bayang

20. ____ di rumah usang itu masih kukuh walaupun telah lama tidak berpenghuni.
    a. Tetupai
    b. Kekuda
    c. Lelabah
    d. Bebenang

21. Dia ____ apabila melihat mayat anaknya yang terputus kaki akibat kemalangan itu.
    a. menjerit-jerit
    b. meronta-ronta
    c. meraung-raung
    d. melaung-laung

22. Zakwan mencari rumah rakannya ____ alamat yang diberikan oleh Mona.
    a. berasaskan
    b. berdasarkan
    c. berpandukan
    d. berlandaskan

23. Tabiat Daniel yang suka ___ cakap orang lain tidak disenangi ibu bapanya.
    a. memintal
    b. memangkas
    c. memintas
    d. memangkah

24. Makanan yang terhidang di atas meja itu tidak ___ dimakannya kerana Danish kehilangan deria rasa akibat demam.
    a. luak
    b. cuak
    c. mual
    d. muak

25. Pekerja MPSP sedang ____ pokok-pokok yang hendak ditebang dengan cat.
    a. menebas
    b. mencantas
    c. memangkas
    d. memangkah



LIVEWORKSHEETS